

CERAMAH BERSIRI



"Highlights of Global School-Based Student Health Survey 2014"

oleh

Dyg Lubna Binti Hj Abdul Razak
Pegawai Penyelidik
Pusat Promosi Kesihatan
12 Februari 2015



"Kemudahan-kemudahan"

oleh

Hj Zakaria Bin Zainal
Penolong Pentadbir, Jabatan
Perkhidmatan Kesihatan
(Ceramah Bersiri Peringkat Daerah
– Bertempat di Bilik Serbaguna,
Pejabat Kesihatan Daerah Belait)
26 Februari 2015



"Health Screening Programme"

oleh

Dyg Cathrina
Binti Haji Mohd Sigie Al-Islam
Pegawai Jururawat,
Pusat Kesihatan PAPHMWHB
Gadong
12 Mac 2015



"Back Pain"

oleh

Dyg Hj Nur'Aziemah
Binti Dato Paduka Hj Mat Tusin
Jurupulih Anggota
Hospital RIPAS
26 Mac 2015

Semua ceramah akan diadakan pada:

Jam 3.00 petang

Tempat
Pusat CME

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
(Ara 6, Kondominium Ong Sum Ping)

Semua pegawai
dan
kakitangan JPK
di alu-alukan hadir

PERANAN ENTOMOLOGI DAN KAWALAN VEKTOR, PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR

- Membuat pemantauan entomologi secara rutin, aduan dan kes-kes Penyakit Bawaan Vektor misalnya Malaria, Demam Denggi, Japanese Encephalitis (JE) dan untut yang dilaporkan.
- Membuat penyiasatan entomologi keatas Penyakit Kawalan Vektor yang dilaporkan sebelum tindakan kawalan diambil.
- Membuat pemantauan kawalan vektor seperti berikut:
 - Memeriksa tempat-tempat pembiakan nyamuk dan mengambil contoh-contoh jentik-jentik dan nyamuk dewasa.
 - Membunuh 'abate' ditempat-tempat pembiakan jentik-jentik.
 - Mengambil contoh nyamuk dewasa.
 - Membuat identifikasi jentik-jentik dan nyamuk di makmal dengan menggunakan mikroskop.
- Mengambil contoh-contoh darah dari penduduk di kawasan seperti yang dijadualkan untuk pengesanan Penyakit Malaria dan Untut (Filaria).
- Memberikan khidmat nasihat dan ubat pencegahan penyakit Malaria (Chemoprophylaxis).
- Membuat penyemburan dan pengasapan racun serangga seperti di kawasan kes Penyakit Kawalan Vektor yang dilaporkan.
- Memberi khidmat nasihat bagi pencegahan Penyakit Bawaan Vektor.

SYABAS DAN TAHNIAH

Kepada Yang Telah Menerima

Anugerah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Kementerian Kesihatan 2014



Kategori Klinik-Klinik Kesihatan (Perkhidmatan Kesihatan Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak)

Anugerah Emas

Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Sungai Asam

Anugerah Perak

Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut
Pusat Kesihatan Telisai
Pusat Kesihatan Lamunin
Pusat Kesihatan Sungai Kelugos

Anugerah Gangsa

Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Gadong
Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
Pusat Kesihatan Berakas 'B'

Kategori Pusat-Pusat Kesihatan (Perkhidmatan Kesihatan Asasi)

Anugerah Perak

Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Gadong
Pusat Kesihatan Sungai Kelugos
Pusat Kesihatan Jubli Emas Bunut
Pusat Kesihatan Telisai
Pusat Kesihatan Lamunin

Anugerah Gangsa

Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Sungai Asam
Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkuring
Pusat Kesihatan Sungai Liang

Hubungi Kami

Unit Kualiti, Dasar,
Penyelidikan
dan Perkembangan
Pejabat Ketua Pengarah
Perkhidmatan Kesihatan

Tel
2381640 Sambungan
7641/7940/7733

Fax
2382032

Emel
health.quality@moh.gov.bn

Sidang Editorial

Penasihat

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail (khalifah.ismail@moh.gov.bn)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

Ketua Editor

Dr Haji Azlan Haji Jaludin (azlan.jaludin@moh.gov.bn)
Ketua Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan

Kumpulan Editor

Hajah Dayang Jamilah Hj Awang Sulaiman (jamilah.sulaiman@moh.gov.bn)
Pegawai Jururawat Tingkat Khas
Awang Mohd Rahmat Awang Hamid (rahmat.hamid@moh.gov.bn)
Pegawai Perangkaan
Hajah Nuriah Hj Shari (nuriah.shari@moh.gov.bn)
Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II
Md Hafiz Hj Ibrahim (hafiz.ibrahim@moh.gov.bn)
Atendan Kesihatan

Sumber

Perkhidmatan Sainifik
Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat
Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar



Buletin Jabatan Perkhidmatan Kesihatan - Terbitan Keempat

FEBRUARI - MAC 2015



Dari Meja Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan (DGHS)

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera kepada semua Warga Jabatan Perkhidmatan Kesihatan. Syukur Alhamdulillah Buletin Nadi Kesihatan telah pun berjaya diteruskan untuk menyebarkan maklumat kepada semua Warga Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Kementerian Kesihatan amnya.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan Pusat-pusat dan Klinik-klinik Kesihatan di bawah Jabatan ini yang telah berjaya menerima Anugerah Perkhidmatan Perubatan Dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan 2014 pada bulan Disember tahun lalu. Kejayaan ini menunjukkan satu lagi pencapaian Jabatan bagi sama-sama meningkatkan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Tahniah juga ditujukan, kepada Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi dan Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan di atas kejayaan menganjurkan 3rd Clinical Audit Symposium pada bulan Januari 2015 dan juga kepada semua pemenang-pemenang Audit dan Poster Presentations, dan syabas kepada semua kakitangan Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan di atas pembukuan (dalam bentuk Folder) SOPs bagi Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan.

Dengan adanya pengiktirafan dan aktiviti-aktiviti ini, arah tuju Jabatan kearah peningkatan Kualiti perkhidmatan akan dapat sentiasa dikembang-luaskan mengikut perkembangan kesihatan. Pihak Jabatan juga akan sentiasa meneruskan peningkatan perkhidmatan yang mana termasuk menambah Program Ceramah Bersiri ke peringkat Daerah, memulakan budaya klinikal audit di kalangan Jururawat-jururawat Masyarakat, membudayakan penyelidikan-penyelidikan, mengemaskinikan workfows / SOPs / TPOR / MPK dan garispuandu-garispuandu terkini di peringkat Jabatan / Bahagian / Unit / Pusat / Klinik Kesihatan, dan beberapa lagi program peningkatan Kualiti.

Sekian

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan



ISU KALI INI

• Dari Meja DGHS

• Perkhidmatan Kesihatan Daerah Temburong

• Syabas dan Tahniah

• Peranan Entomologi dan Kawalan Vektor, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar

PERKHIDMATAN KESIHATAN DAERAH TEMBURONG

CARTA ORGANISASI PERKHIDMATAN KESIHATAN DAERAH TEMBURONG



Perkhidmatan Kesihatan Daerah Temburong diketuai oleh Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan Daerah Temburong yang mengetuai Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar dan Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat Daerah Temburong.

Perkhidmatan Kesihatan ini menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang sesuai mengikut keperluan kesihatan di Daerah Temburong yang mana ada perkhidmatan-perkhidmatan juga disediakan secara 'visiting services' dari Perkhidmatan Kesihatan Brunei-Muara. Ini bertujuan untuk memastikan perkhidmatan kesihatan yang diberikan adalah komprehensif dan menyeluruh.

Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar Daerah Temburong terdiri daripada:

1. Kawalan Keselamatan & Kualiti Makanan

- Mengkoordinasi program dan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan Akta Kesihatan Awam (Makanan), (Penggagal 182) dan peraturan-peraturannya (P1 Penggagal 182).
- Menyelaras aktiviti dan bekerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat dengan keselamatan dan kualiti makanan.
- Mempromosikan dan meningkatkan kesedaran tentang kualiti, keselamatan dan kebersihan makanan kepada para pengguna, pengusaha, peniaga makanan dan juga agensi-agensi yang terlibat dengan kawalan makanan.



Pemeriksaan kesihatan serta kebersihan di kedai dan restoran.



Pemeriksaan bersama dengan agensi-agensi Kerajaan di kedai dan restoran.



Taklimat kesihatan dan pemeriksaan kesihatan untuk pengendali-pengendali makanan.

2. Kesihatan Alam Sekitar

- Menyediakan perancangan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantauan, penilaian, pengurusan dan pengawalan pencemaran alam sekitar dari segi:
 - i. Pembuangan sampah sarap, termasuklah sampah pepejal, sampah industri, sisa-sisa makanan, sisa toksik, sisa-sisa klinikal dan lain-lain sisa-sisa pembuangan yang mengakibatkan pencemaran dan masalah kepada kesihatan dan keselamatan awam dan alam sekitar.
 - ii. Kualiti air termasuklah sumber air mentah dan bekalan air yang telah dirawat supaya terhindar dari pencemaran bakteria, kimia dan lain-lain untuk keselamatan dan kesihatan pengguna.
 - iii. Aktiviti pembangunan termasuklah pembinaan rumah persendirian, perindustrian, perniagaan, rekreasi dan lain-lain yang berhubung kait dengan keselamatan dan kesihatan awam dan alam sekitar.
- Memastikan semua program pemantauan, penilaian dan pengurusan risiko kesihatan dan alam sekitar dilaksanakan seperti yang dirancang.
- Melaksanakan aktiviti penyiasatan, pemeriksaan dan pemantauan ke atas kes-kes aduan penyakit atau jangkitan yang berpunca dari masalah kesihatan dan keselamatan alam sekitar.
- Menyediakan dan melaksanakan program kesedaran mengenai kepentingan kesihatan dan keselamatan alam sekitar kepada orang awam melalui pendidikan, maklumat dan penyampaian pengetahuan kesihatan alam sekitar.
- Melaksanakan pemeriksaan penilaian dan menghadapkan laporan dari segi kehendak-kehendak kesihatan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan bagi setiap permohonan untuk mendapatkan kelulusan menjalankan aktiviti perniagaan, pembangunan dan lain-lain aktiviti yang berkenaan.
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk menangani dan membantu dalam kejadian bencana alam sekitar yang telah di laporkan ke Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

3. Kesihatan Cara Kerja

- Pengawasan kesihatan dan keselamatan persekitaran di tempat kerja.
- Penilaian kemudahan tempat tinggal perkerja.

4. Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Warga Asing

- Melakukan pemeriksaan kesihatan ke atas pekerja warga asing semasa tiba.
- Melakukan pemeriksaan kesihatan ke atas pekerja warga asing bagi membarui kontrak.

5. Kesihatan Pelabuhan (Puni dan Labu)

- Menjalankan pemeriksaan kesihatan alam sekitar di pintu-pintu masuk sempadan (*point of entry*).
- Menjalankan aktiviti kawalan vektor di pintu-pintu masuk sempadan.
- Memeriksa penumpang-penumpang yang masuk dan keluar agar bebas daripada penyakit berjangkit di pintu-pintu masuk sempadan jika diperlukan.
- Memeriksa dan menyelia kemasukan dan keluarnya mayat manusia dari segi kesihatan.
- Memberikan tindak balas mengenai hal ehwal Kecemasan Kesihatan Awam di pintu-pintu masuk sempadan.



Pemeriksaan suhu badan untuk memantau penyakit berjangkit.

6. Kawalan Penyakit Berjangkit

- Pengawasan, pencegahan, penyiasatan dan kawalan penyakit-penyakit berjangkit.

7. Entomologi & Kawalan Vektor

- Membuat pemantauan entomologi mengenai aduan vektor.
- Membuat pemantauan malaria melalui pengambilan contoh-contoh darah dari penduduk dikawasan yang dijadualkan.
- Membuat pemantauan entomologi kes-kes penyakit bawaan vektor yang dilaporkan sebagai contoh demam malaria, denggi dan filaria.
- Membuat penyiasatan dan pemantauan epidemiologi keatas penyakit bawaan vektor sebelum tindakan kawalan diambil.
- Memberikan khidmat nasihat dan ubat pencegahan penyakit Malaria (*Chemoprophylaxis*).
- Membuat penyemburan dan pengasapan racun serangga.

8. Koordinasi Tibi

- Pemantauan rawatan Tibi untuk memastikan pengambilan ubat rawatan Tibi yang teratur melalui 'Directly Observed Therapy Short Course' atau DOTS setelah pesakit Tibi dikeluarkan dari Pusat Pengasingan Kebangsaan.
- Pemeriksaan kesihatan bagi pesakit Tibi yang di dalam rawatan Tibi.
- Ujian *mantoux* bagi kontek Tibi dan pengesanan penyakit Tibi.

9. Vaksinasi

- Memberi suntikan-suntikan seperti:-
 - I. *Typhoid* kepada pengendali-pengendali makanan.
 - II. *Meningitis* kepada yang akan mengerjakan Haji dan Umrah.
 - III. *Flu* dan *HPV* kepada orang ramai.

Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat terdiri daripada:

1. Kesihatan Ibu-ibu

- Penjagaan kesihatan serta rawatan bagi ibu-ibu yang mengandung melalui Klinik Ibu-ibu Mengandung.
- Membuat rujukan kepada Pakar Obstetrik bagi ibu-ibu mengandung yang berisiko tinggi.
- Pemeriksaan kesihatan bagi ibu-ibu yang mengandung oleh pegawai perubatan (MCH) dari Daerah Brunei Muara yang datang ke Daerah Temburong.
- Memberikan nasihat kepada ibu-ibu mengandung.
- Lawatan ke rumah-rumah kepada ibu-ibu yang baru bersalin oleh bidan.
- Penjagaan kesihatan serta rawatan bagi ibu-ibu yang baru bersalin melalui Klinik Ibu-ibu Selepas Mengandung.
- Menjalankan Klinik Kesihatan Wanita.
- Pencegahan kanser servik melalui ujian *PAP smear*.
- Memberikan perkhidmatan pencegahan hamil bagi wanita-wanita yang telah berkahwin seperti pil perancang dan pemasangan IUCD.

2. Kesihatan Kanak-Kanak (bagi kanak-kanak berumur kurang dari 5 tahun)

- Pemantauan kesihatan dan pembesaran kanak-kanak
- Memberikan vaksinasi EPI (*Expanded Programme on Immunisation*) kepada kanak-kanak.
- Pemeriksaan kesihatan untuk kesihatan dan pembesaran kanak-kanak.
- Merujuk kanak-kanak yang kurang berat badan atau berlebihan berat badan kepada pakar permakanan.
- Membuat rujukan kepada pakar-pakar yang berkenaan apabila perlu.
- Mempromosi hal-hal kesihatan kanak-kanak kepada ibu-bapa serta kanak-kanak.

3. Kesihatan Sekolah

- Pemeriksaan berat badan, tinggi dan mata bagi murid-murid sekolah Tahun 1, 4, 6 dan 7.
- Pemeriksaan Ujian pendengaran bagi murid-murid Tahun 4.
- Pemeriksaan tulang belakang (*skoliosis*) bagi murid-murid Tahun 6.
- Pemeriksaan kesihatan bagi murid-murid Tahun 1 dan 4.
- Rujukan kepada pakar permakanan bagi murid-murid yang berlebihan berat badan.
- Mengendalikan program pemberian suntikan HPV bagi murid-murid perempuan Tahun 7 dan 'Catch-up' program bagi Tahun 11.



Pemantauan pembesaran kanak-kanak



Konsultasi Klinik Selepas Bersalin